

**MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH HIBISCUS PERDANA MENTERI 2010/2011**  
**20/01/2012**

Yang Berhormat Dato Sri Douglas Uggah Embas  
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar,

Yang Berbahagia Dato' Kok Wee Kiat,  
Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Anugerah Hibiscus Perdana Menteri  
Dif-dif Kehormat,

Ahli-ahli Media Massa,

Dato'/Datin/Tuan/Puan yang saya hormati sekalian.

Bismillahirrahmannirrahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh

Selamat Pagi dan Salam Satu Malaysia

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan kuasa dan limpah kurnianya, kita dapat bersama-sama pada pagi ini untuk menyempurnakan Majlis Penyampaian Anugerah Hibiscus Perdana Menteri bagi tahun 2010/2011. Semoga kita semua mendapat keberkatan serta rahmat dari-Nya.
2. Please allow me to address my speech in Bahasa Kebangsaan (National Language), and for the benefit of our non-Malay speaking colleagues, present tonite, I will also share the essential points of the speech in english.
3. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan Majlis Penyampaian Anugerah Hibiscus Perdana Menteri 2010/2011.
4. Majlis yang sungguh bermakna ini diadakan untuk mengiktiraf dan menghargai pihak-pihak yang telah mencapai prestasi alam sekitar yang cemerlang dalam operasi perniagaan mereka, serta menggalakkan amalan-amalan pengurusan alam sekitar. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada The Business Council for Sustainability and Responsibility Malaysia (BCSRM), Environmental Management and Research Association (ENSEARCH), Federation of Malaysian Manufacture's (FMM) dan Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI) atas daya usaha menganjurkan anugerah ini semenjak ia dimulakan pada tahun 1996.

Para hadirin sekalian,

5. Perubahan iklim merupakan cabaran terbesar yang dihadapi dunia pada masa ini. Selain itu, pelbagai isu alam sekitar seperti pencemaran sumber air dan udara, kehilangan biodiversiti dan kepupusan hidupan liar turut mendapat perhatian masyarakat antarabangsa.

Sekiranya isu-isu ini tidak ditangani secara berkesan, ianya boleh mengancam kesejahteraan manusia sejagat dan masa depan bumi ini.

6. Masyarakat global sememangnya menyedari ancaman ini dan mengambil tindakan untuk menanganinya menerusi pendekatan pelbagai hala (multilateral) dan dua hala (bilateral) serta melalui platform Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Terdapat pelbagai konvensyen dan perjanjian antarabangsa untuk mencari penyelesaian bagi isu-isu alam sekitar. Antaranya ialah Rio Summit 1992, Protokol Kyoto, Protokol Montreal, Convention on Biological Diversity (CBD) dan sebagainya.

7. Sebagai ahli masyarakat antarabangsa, Malaysia turut menyertai usaha global menangani isu-isu alam sekitar tersebut. Kita menjadi negara parti kepada lebih 20 konvensyen berkaitan dengan pelbagai isu alam sekitar. Tujuan penyertaan negara dalam konvensyen-konvensyen tersebut mencerminkan komitmen Kerajaan terhadap kepentingan alam sekitar khususnya di dalam usaha pemeliharaan dan penambahbaikan keseluruhan eko-sistem alam sekitar.

8. Di peringkat domestik, pelbagai akta dan peraturan, serta dasar dan program dilaksanakan untuk memastikan alam sekitar negara sentiasa terpelihara dan mencapai matlamat “sustainable development”, sepertimana dihasratkan dalam agenda pembangunan negara. Antaranya adalah Dasar Alam Sekitar Negara, Dasar Kepelbagaian Biologi Negara, Dasar Perubahan Iklim Negara, Dasar Teknologi Hijau Negara serta menguatkuasakan Akta Perhutanan Negara dan Akta Kualiti Alam Sekeliling.

9. Di samping itu, pelbagai program juga telah dan sedang dilaksanakan termasuk Pengurusan Perhutanan Secara Berkekalan (Sustainable Forest Management), “Kempen Menanam 26 Juta Pokok”, Rakan Alam Sekitar, Program Pemuliharaan Sungai dan Carbon Reduction Roadmap serta pelbagai program kesedaran alam sekitar melibatkan segenap lapisan masyarakat.

10. Bagi mengukuhkan lagi prestasi persekitaran di dalam negara, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bersama-sama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sedang membangunkan 'Environmental Performance Index' (EPI) Malaysia (atau Home-Grown EPI for Malaysia). EPI Malaysia ini akan memberi penekanan kepada tiga matlamat iaitu, matlamat kesihatan alam sekitar, daya tahan ekosistem dan kemapanan sosioekonomi (socioeconomic sustainability).

11. EPI ini turut meliputi 14 kategori polisi yang berkaitan dengan pelbagai aspek alam sekitar termasuk biodiversiti, kualiti udara, sisa buangan, pencemaran, perubahan iklim dan urus tadbir alam sekitar. Data-data dari inisiatif ini akan dikumpul dan diterbitkan secara tahunan untuk memberi gambaran yang komprehensif dan jelas tentang status alam sekitar negara.

Para hadirin sekalian,

12. Sungguh pun kita mempunyai rangka perundangan yang komprehensif serta telah menggubal pelbagai akta dan dasar berkaitan, kita akan sentiasa menghadapi cabaran-cabaran alam sekitar, terutama pencemaran sungai dan ancaman terhadap biodiversiti negara. Punca utama masalah ini ialah sikap kurang bertanggung-jawab dan kecuaiannya sesetengah pihak yang mencemarkan alam sekitar, ketidakpatuhan kepada piawaian yang ditetapkan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang negara. Oleh yang demikian,

saya menyeru supaya usaha-usaha diperingkat dasar, pelaksanaan dan penguatkuasaan dipertingkatkan dengan lebih kemas dan efektif untuk menangani masalah-masalah tersebut dan memastikan alam sekitar negara sentiasa terpelihara.

13. Namun begitu, tanggungjawab dalam mencapai hasrat tersebut bukan sahaja harus dipikul oleh kerajaan, tetapi masyarakat umum, badan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta dan komuniti setempat perlu memainkan peranan masing-masing dengan berkesan. Sektor swasta terutamanya, harus berganding bahu dan bekerjasama dengan kerajaan dalam usaha mencapai matlamat sustainable development tersebut, memandangkan operasi perniagaan mereka juga secara langsungnya memberi impak terhadap alam sekitar.

Ladies and Gentlemen,

14. I believe the corporate sector is also well positioned to assume an essential role in environmental conservation and protection. However, I must emphasise that, this role is no longer a simple matter as just controlling pollution. Business community today must take into account the impact of their operations at every stage - from the extraction of raw material through distribution to consumer use and final product disposal. They must recognise the fact that the expectation of the public has increased, especially now that the public has become more environmentally aware, and informed. Therefore, businesses must address public expectation, and ensure that their efforts to reduce environmental impact in their business processes, must be realised, without sacrificing product's quality or function.

15. Maka, syarikat-syarikat yang sedia menghadapi cabaran tersebut akan menikmati peluang-peluang komersial baru, dan inilah yang akan membezakan mereka daripada pesaing-pesaing khususnya dari segi kualiti barangan yang dihasilkan, dan sumbangan kepada prestasi alam sekitar.

Para hadirin sekalian,

16. Semenjak penekanan diberikan kepada prestasi alam sekitar pada tahun-tahun sembilan belas tujuh puluhan (1970s), trend untuk memperkenalkan amalan-amalan pengurusan alam sekitar dalam operasi perniagaan telah melalui beberapa fasa. Antaranya, tumpuan diberi kepada pematuhan peraturan alam sekitar yang asas, diikuti oleh pengurusan alam sekitar untuk pelepasan (emissions) pada tahap yang diperlukan oleh peraturan, penekanan kepada kecekapan sumber (resource efficiency) dan pengurangan pembaziran, dan pelaksanaan amalan-amalan yang mengambilkira kepentingan alam sekitar, sosial dan etika.

17. Walaupun bilangan syarikat yang melakukan perubahan ini adalah jauh lebih kecil berbanding dengan jumlah syarikat yang beroperasi, namun syarikat-syarikat yang melaksanakan pendekatan yang proaktif ini semakin memainkan peranan yang sangat berpengaruh dalam membangunkan konsep dan amalan baru untuk menyelaraskan objektif perniagaan dengan objektif sustainability.

18. Dalam hubungan ini, saya ingin menyeru kepada masyarakat perniagaan di Malaysia untuk mempertimbangkan tindakan-tindakan yang dapat membantu Kerajaan meningkatkan usaha menjaga dan meningkatkan kualiti alam sekitar, antaranya ;

- Memberi tumpuan kepada pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GHG - greenhouse gas emissions) di samping mengelakkan penjualan produk atau perkhidmatan yang memberi

impak alam sekitar kepada syarikat, pelanggan dan stakeholder lain; dan

- Melaksana perubahan radikal nilai-nilai dalaman syarikat, serta penggubalan semula strategi pemasaran dan penjenamaan;
- Melibatkan semua stakeholders yang berkaitan melalui aktiviti dan pendekatan yang sesuai untuk mencapai sustainability. Bagi tujuan ini, pelbagai aktiviti boleh dijana yang meliputi pembangunan dan penglibatan pekerja, transformasi komuniti, pengurangan carbon footprint dan penghapusan sisa buangan.

Ladies and Gentlemen,

19. With regard to the role of the business community in reducing carbon footprint, I wish to reiterate at this juncture that climate change is one of the most critical challenges facing our world today. In recent times, we have witnessed a number of natural catastrophes and disasters of unprecedented dimensions, particularly the widespread flooding of cities and productive land.

20. No one entity alone can address these climate change issues, and come up with the environmental, economic and technological solutions. The voluntary indicator to reduce the greenhouse gas emissions intensity of GDP, announced by the Prime Minister in Copenhagen in 2009, is unequivocal in charting Malaysia's shift towards a low-carbon society as part of the on-going efforts at the global level to mitigate climate change.

21. Therefore the business community must continue to strengthen its role and the leadership as well as drive towards finding pragmatic and sustainable solutions, particularly by:

- Participating in carbon disclosure projects and putting in place mechanisms to report output of efforts to reduce carbon emission;
- Pursuing energy and process efficiency across its operations;
- Benchmarking the Greenhouse Gas impacts of its various products and services; and
- Promoting awareness and understanding, among stakeholders and customers, of energy issues and GHG emissions through product and supply chains.

Ladies and Gentlemen,

22. I would like to take this opportunity to extend my heartiest appreciation to all the companies operating in Malaysia for their active participation in the Carbon Reduction Roadmap being implemented by the Government following the introduction of the National Policy on Climate Change. I am happy to mention that we are on course to achieve the 40 % reduction in carbon emission intensity by the year 2020. The significant role contributed by the private sector in achieving this target is immense, and therefore I look forward to greater participation especially from other companies who have yet to adopt green practices in their business operations.

23. The government on its part will continue to support business community to go green, by providing various incentives and assistance as demonstrated in the setting up of the Ministry of Energy, Green Technology and Water as well as the commitments incorporated in the National Green Technology Policy.

24. Saya mengucapkan tahniah kepada kesemua penerima Anugerah Hibiscus Perdana

Menteri 2010/2011 dan merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua syarikat atas usaha menggalakkan sustainable development menerusi pelaksanaan amalan-amalan alam sekitar yang selamat.

25. Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamulaikum WBT.

Sekian.